

Kekalkan nilai positif: PM

BH, 6 MAY 1994

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat negara ini mengekalkan nilai positif kekeluargaan supaya gejala negatif yang menimpa masyarakat maju, tidak menimpa mereka.

Menurut Perdana Menteri, institusi keluarga sebagai pembentuk masyarakat perlu sentiasa diperkukuhkan, bermula daripada keluarga itu mulai terbentuk melalui perkahwinan sehingga kelahiran anak.

“Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat terhadap kepentingan institusi keluarga kerana ia boleh membantu menyumbang kepada pembangunan negara.

“Keluarga yang stabil, aman dan sejahtera dapat mewujudkan satu masyarakat yang mantap, kukuh dan berdaya tahan serta mampu membawa negara

ke arah kestabilan dan kemajuan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutusannya di buku cenderamata Majlis Pelancaran Hari Keluarga Antarabangsa sempena Tahun Keluarga Antarabangsa 1994, yang disambut di seluruh dunia, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Penaung Tahun Keluarga Antarabangsa 1994 peringkat Malaysia, berkata sambutan Hari Keluarga Antarabangsa itu bertujuan meningkatkan kesadaran masyarakat mengenai pentingnya hidup berkeluarga.

Menurutnya, ia juga mempertingkatkan keupayaan institusi kebangsaan dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar yang berkaitan bagi mengatasi masalah kekeluargaan.

“Tema Tahun Keluarga Antarabangsa 1994 iaitu ‘Keluarga Dalam Perseki-

taran Yang Berubah adalah amat sesuai kerana isu atau masalah kekeluargaan kini makin rumit dan berbeza daripada zaman sebelumnya.

“Perkembangan ini perlu dihadapi dengan pendekatan yang juga baru dan canggih,” kata beliau lagi.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam perutusan dalam buku cenderamata yang sama, berkata pengalaman negara industri menunjukkan perindustrian mempunyai kecenderungan menghakis institusi keluarga.

Menurutnya, perayaan ini di tahun depan seharusnya menyedarkan semua pihak betapa pentingnya ikatan kekeluargaan yang erat dan kukuh dalam menghadapi cabaran hidup, terutama dalam suasana arus pembangunan yang pesat.